

MINIT MESYUARAT
MESYUARAT PANITIA PENDIDIKAN ISLAM

Bil Mesyuarat : 1 Tahun: 2023/2024
Tarikh : 17 April 2023 (Isnin)
Masa : 2.00 petang – 4.00 petang
Tempat : ACM

Hadir

1. Tn. Ahmad Sufian bin Abdul Rahman - Guru Besar
2. Ketua Panitia Pendidikan Islam - Pengerusi
(**Cik Nuraini Binti Mohamad Salleh**)
3. Ahli Panitia Pendidikan Islam
 1. **Cik Siti Munirah binti Suhaimee**
 2. **Puan Ummu Syifak binti Abdul Hadi**
 3. **Puan Zaleha binti Hasan**
 4. **Puan Faizah binti Harun**
 5. **Puan Nur Hashimah binti Hashim**
 6. **Puan Saidatun Nisak binti Aris**
 7. **En. Wan Muhammad Mujahid Asy-Syahid bin Wan Mohamad**
 8. **Puan Aishah binti Ahadi**

Tidak hadir bersebab:

1. Puan Syukriah Solehah binti Md Ishak (Bengkel Canva)

I. ALUAN Pengerusi

1. Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran semua ahli panitia ke mesyuarat Panitia Pendidikan Islam kali pertama bagi sesi 2023/2024.
2. Pengerusi menjemput tuan Guru Besar untuk memberikan sedikit ucapan.

II. MEMBENTANG DAN MENGESAH MINIT MESYUARAT LALU

3. Pengerusi menjemput Ustazah Munirah, selaku setiausaha Panitia Pendidikan Islam untuk membentangkan minit mesyuarat yang lalu.
4. Ustazah Ummu Syifak mencadangkan minit mesyuarat yang lalu disahkan dan Ustaz Wan Muhammad Mujahid Asy-Syahid menyokong agar minit mesyuarat yang lalu disahkan tanpa pindaan.

III. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

5. Tiada perkara berbangkit.

IV. LAPORAN / PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

6. Pengurusan / Perancangan Panitia

6.1. DSKP / RPT / E-RPH

- 6.1.1. DSKP Pendidikan Islam semakan 2017 dari tahun 1 hingga tahun 6 bentuk *softcopy* boleh dirujuk pada e-Prema.
- 6.1.2. RPT sesi 2023/2024 telah siap dan semua ahli telah cetak RPT masing-masing dan dihantar kepada pihak pentadbir.
- 6.1.3. MKA bagi sesi 2023/2024 sebanyak 42 minggu. Pihak sekolah telah menetapkan dua kali pentaksiran utama iaitu pada MKA21 dan MKA38. Ujian topikal boleh dijalankan mengikut kesesuaian dan selesai sesuatu topik.
- 6.1.4. Pengerusi berharap agar ahli panitia sentiasa dapat melengkapkan e-Prema dengan baik sehingga akhir sesi akademik. Guru boleh berkongsi RPH dengan guru kelas lain mengikut kesesuaian aktiviti kelas masing-masing. KPM
- 6.1.5. RPH perlu dicetak sekiranya ada pemantauan.

Tindakan: Makluman

- 6.1.6. Semua guru perlu menyediakan RPH sebelum PdP berlangsung.

Tindakan: Semua guru

6.2. Aktiviti Panitia

- 6.2.1. Mesyuarat panitia akan diadakan sebanyak 3 kali bagi sesi 2023/2024.
- 6.2.2. Dialog prestasi akan diadakan sebanyak 2 kali iaitu seurus selepas pentaksiran sekolah bagi membincangkan isu dan intervensi murid.
- 6.2.3. Tarikh aktiviti panitia boleh dirujuk pada takwim panitia di link berikut:
https://docs.google.com/spreadsheets/d/1w_oWc2tLaDix7ZBvzseMFTXMk5E-fjnOrbQJWJiSOQ/edit#gid=253332038
- 6.2.4. Kem Bestari Solat (KBS)
 - 6.2.4.1. Program Kem Bestari Solat yang berfokus kepada amali wuduk dan solat serta perkara-perkara lain yang berkaitan fardhu ain.
 - 6.2.4.2. Melibatkan semua murid Islam tahun 1 hingga 6.
 - 6.2.4.3. Dilaksanakan dua siri. Siri pertama hanya melibatkan murid tahap 1 sahaja dan siri kedua melibatkan murid tahap 2 sahaja. Ini berbeza dengan amalan-amalan yang lepas. Boleh juga melibatkan kerjasama dengan pihak lain dan ada dokumentasi sebagai bukti.

Tindakan: Guru penyelaras KBS

- 6.2.5. Program PANTas Tahun 1 (Program Pemeraksanaan Al-Quran tahun 1)
 - 6.2.5.1. Program PANTas merupakan program pemeraksanaan Al-Quran khusus untuk murid tahun 1 Sekolah-Sekolah Rendah Negeri Kedah. Tempoh masa pelaksanaan adalah 28 minggu.
 - 6.2.5.2. Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan peratus penguasaan Al-Quran murid Islam sekolah rendah.
 - 6.2.5.3. Semua guru Pendidikan Islam tahun 1 telah mengikuti taklimat berkaitan pelaksanaan program PANTas ini secara dalam talian yang telah diadakan pada 15 Februari 2023.
 - 6.2.5.4. Panduan pelaksanaan dan modul telah dibekalkan dan telah dimuat turun.
 - 6.2.5.5 Ustazah Ummu Syifak telah dilantik sebagai penyelaras Program PANTas tahun 1.

Tindakan: Penyelaras PANTas

- 6.2.6. Program penghayatan Islam

- 6.2.6.1 Panitia Pendidikan Islam telah merancang beberapa program berkaitan bulan-bulan penghayatan Islam seperti sambutan Maulidur Rasul dan Awal Muharam.
 - 6.2.6.2 Program-program penghayatan Islam ini juga berkaitan dengan topik-topik pembelajaran di dalam buku teks pada bahagian ulum. Penerapan dan penghayatan daripada aktiviti melalui program ini memberi pemahaman dan pengalaman yang menarik kepada murid-murid terutamanya berkaitan sirah nabi.
 - 6.2.6.3 Semua Program yang dirancang telah dimasukkan dalam takwim panitia.
- 6.2.7. Program pembangunan guru dan murid.
- 6.2.7.1. Cadangan mengadakan Program pengurusan jenazah dengan kerjasama pihak luar. Program bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada guru dalam pengendalian pengurusan jenazah. (*cadangan tarikh bulan Nov sekali dengan Bulan Panitia*)
 - 6.2.7.2. Bengkel literasi Al-Quran. Perkongsian pendekatan kaedah pembelajaran Al-Quran.
 - 6.2.7.3. Ustazah Zaleha mencadangkan program Tinta Khat yang akan dikendalikan oleh tenaga pengajar luar. Program ini terbuka kepada guru dan murid yang berminat.
 - 6.2.7.4. Ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju melaksanakan program-program yang telah dicadangkan.

Tindakan: Guru yang terlibat

6.3. LDP / PLC

- 6.3.1. Panitia akan melaksanakan sekurang-kurangnya 4 kali PLC.
- 6.3.2. Pengerusi menetapkan untuk melakukan 2 PLC *Learning Walk*, 1 PLC *Lesson Study*, 1 PLC *Teacher Sharing Session* dan tarikh telah dimasukkan ke dalam takwim panitia.
- 6.3.3. PLC juga berlaku semasa perbincangan tidak formal seperti perbincangan sesama ahli panitia tentang kaedah / teknik mengajar suatu kemahiran. Tetapi mesti diambil gambar sebagai bukti. Gambar sekurang-kurangnya empat keping dan perlu buat laporan.

Tindakan: Makluman

6.4. KBAT / PAK21

6.4.1. Tuan GB meminta guru memasukkan elemen KBAT dalam penulisan RPH. Penggunaan peta i-think digalakkan sekurang-kurang 15 kali dalam setahun.

Tindakan: Semua ahli panitia

7. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

7.1. Rekod Perkembangan Pembelajaran Murid (RPPM)

7.1.1. Rekod Perkembangan Pembelajaran Murid (RPPM) offline masih digunakan pada sesi 2023/2024.

7.1.2. Tahniah kepada semua guru yang telah melengkapkan tapak RPPM beserta nama murid untuk semakan kali pertama oleh Ketua Panita pada 30 Mac – 6 April 2023. Pemantauan RPPM oleh Ketua Panitia adalah sebanyak 8 kali dan 2 kali kepada pentadbiran (27.7.2023 dan 22.11.2023).

Tindakan: Makluman

7.2. Pentaksiran 1 dan Pentaksiran 2 (Ujian Akhir Sesi Akademik - UASA)

7.2.1. Sekolah akan membuat Pentaksiran 1 pada MKA 21 dan Pentaksiran 2/UASA pada MKA38. Pengubal soalan adalah seperti berikut:

Tahun 1: Ustazah Ummu Syifak / Ustazah Faizah

Tahun 2: Ustazah Nuraini / Ustazah Syukriah Solehah

Tahun 3 : Ustazah Aishah / Ustazah Saidatun Nisak

Tahun 4: Ustazah Nor Hashimah

Tahun 5: Ustazah Zaleha / Ustazah Siti Munirah

Tahun 6: Ustaz Wan Muhammad Mujahid Asy-Syahid

Tindakan: Cikgu yang berkenaan

7.2.2. Bengkel Perbincangan Instrumen Pentaksiran Pendidikan Islam akan dilaksanakan 2 kali iaitu pada 8 Ogos dan 5 Disember 2023. Ahli panitia diminta membawa contoh-contoh soalan dan akan dibincang kesesuaiannya untuk pentaksiran sekolah mengikut tahap murid.

7.2.3. Bengkel Penyelarasan Skor Bahasa Inggeris Panitia akan dilaksanakan 2 kali iaitu pada 22 Ogos 2023 dan 15 Januari 2024. Semasa bengkel ini, semua ahli diminta membawa skrip jawapan murid masing-masing. Ahli

panitia akan bincang jawapan murid merujuk skema jawapan dan runtkai bersama permasalahan yang timbul.

- 7.2.4. Guru Pendidikan Islam tahap 2 perlu memberi latihan soalan berbentuk klon UASA agar murid biasa dengan format dan tahu teknik menjawab soalan.

Tindakan: Guru tahap 2

7.3. Isu dan Intervensi PBD mengikut aliran

- 7.3.1. Panitia Pendidikan Islam perlu merancang dan melaksanakan program atau aktiviti bagi menangani isu murid yang tidak mencapai tahap minima dalam PBD.
- 7.3.2. Cadangan aktiviti untuk bidang ulum, guru mengulangkaji pada awal PdP.
- 7.3.3. Cadangan aktiviti untuk bidang jawi fokus kepada menyambung huruf jawi. Menyediakan modul latih tubi jawi kepada murid yang terpilih.

Tindakan: Semua guru

7.4. Rekod Tasmik Online (RTO)

- 7.4.1. Semua guru perlu mengisi rekod bacaan murid setiap kali kelas tasmik diadakan.
- 7.4.2. Pengisian tersebut seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini.
- Murid Iqra ditulis (3,17), bermaksud iqra' 3 muka surat 17
 - Murid Al-quran (300), tulis muka surat.
 - Murid khatam (U78), bermaksud ulangan muka surat.
 - Murid tidak hadir (TH), kekalkan bacaan minggu lalu.
 - Murid pindah, isi P (pindah)
 - Murid tidak pernah hadir, isi 0
- 7.4.3. Pencapaian murid membaca Al-Quran sangat rendah dan masih ramai murid membaca iqra' terutamanya tahap 2. (dalam bentuk angka)
- 7.4.4. Kaji selidik murid
- ada pergi mengaji di luar atau tidak
 - kawasan murid tinggal
- 7.4.5. Satu program yang telah disediakan oleh KPM dan perlu dilaksanakan untuk peningkatan murid mencapai penguasaan pembacaan Al-Quran.
- 7.4.4.1 Program PANTas seperti yang telah disebut pada para 6.2.5

- 7.4.4.2 Program Intervensi Literasi Al-Quran (ILQA) yang menasarkankan murid di sekolah rendah menguasai tahap minimum bacaan Al-Quran.

Tindakan : Semua Guru

8. Kewangan

- 8.1. Kewangan Panitia Pendidikan Islam.
- 8.1.1. PCG - RM 754.24
 - 8.1.2. Kegiatan Panitia - RM 8447.48
 - 8.1.3. KBS - Belum ada penurunan peruntukan
- 8.2. Perancangan kewangan
- 8.2.1. plastik laminate saiz A4 - 3 unit
 - 8.2.2.
- 8.3. Semua pembelian hendaklah mengisi borang nota minta yang sudah berada di kedai Big7. Makluman daripada Pn. Azian (kerani kewangan sekolah), borang tersebut hendaklah disertakan/di kepil bersama inouis oleh pihak kedai. Bagi langkah keselamatan, fotostat dahulu borang nota minta dan simpan bersama kita. Jika ada sebarang keraguan nanti pihak kita ada bukti.
- 8.4. Pembelian untuk kegunaan PdP tidak perlu disertakan kertas kerja kepada Puan Azian. Kertas kerja perlu untuk pembelian yang terdapat pada kertas kerja yang dirancang sahaja.

Tindakan: Makluman

V. HAL-HAL LAIN

9. Pengerusi membentangkan jawatankuasa Panitia Pendidikan Islam bagi tahun 2023/2024.
10. Pengerusi meminta Ustazah Nor Hashimah untuk membentangkan aktiviti persatuan Agama Islam bagi sesi 2023/2024.
11. Perkongsian hasil dapatan mesyuarat ketua-ketua panitia Pendidikan Islam daerah Langkawi.
- 11.1 pelaksanaan program kompetensi guru.
 - Bengkel pemantapan.
 - Perkongsian amalan terbaik PdP guru (Learning walk, Peer coaching, Lesson study)
 - Penyediaan kertas soalan ujian topical/sumatif
 - 11.2 Program pembangunan murid.

- Fastrack Al-Quran
 - Program pemulihan khas (TP1 dan TP2), Pengukuhan (TP3 dan TP4) dan pengayaan (TP5 dan TP6).
 - Program jelajah ilmu ABC (akademik & sahsiah).
12. Program ADNI akan ditentukan pembahagian tugas oleh Ustazah Syukriah Solehah binti Md Ishak.
 13. Ustaz Wan Muhammad Mujahid Asy-Syahid mencadangkan Bengkel Pembinaan Tapak Excel RTO bersama tuan Guru Besar.
 14. Ucapan Guru Besar
 - 14.1 Mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli panitia kerana telah menjayakan mesyuarat yang berkualiti.
 - 14.2 Mengucapkan terima kasih atas anjuran program sepanjang bulan Ramadan.
 - 14.3 Meminta supaya data dikemaskini dan siap untuk dipantau.

VI. PENUTUPAN

11. Pengerusi mengucapkan terima kasih atas segala kerjasama yang diberikan selama ini dan berharap semua ahli dapat bekerja dengan seronok dalam satu pasukan.
12. Mesyuarat Panitia Pendidikan Islam Bil 2 akan diadakan pada 18 September 2023.
13. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.20 petang.